



# LAPORAN TAHUNAN 2020

---

TEKUN NASIONAL







**TEKUN**  
NASIONAL

تکون ناسیونال

**TEKUN NASIONAL**

# ISI KANDUNGAN

<b>KATA ALUAN PENGARAH URUSAN &amp; KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF</b>	<b>1</b>
<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>3</b>
Pengenalan	5
Visi	6
Misi	6
Peranan dan Objektif	6
Ahli Lembaga Amanah	7
Jawatankuasa Pengurusan TEKUN Nasional	9
Carta Organisasi TEKUN Nasional 2020	11
Perancangan Strategik TEKUN Nasional 2020	13
Maklumat Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan Warga Kerja TEKUN Nasional	16
<b>LAPORAN OPERASI</b>	<b>18</b>
<b>PEMBIAYAAN TERKUMPUL TEKUN NASIONAL (1999-2020)</b>	<b>20</b>
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Tahun (1999-2020)	21
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Negeri (1999-2020)	22
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Umur (1999-2020)	23
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Pembiayaan (1999-2020)	24
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Sektor (1999-2020)	25
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Jantina (1999-2020)	26
Bayaran Balik Pembiayaan Mengikut Tahun (1999-2020)	27
<b>LAPORAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2020</b>	<b>28</b>
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Negeri bagi Tahun 2020	28
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Umur bagi Tahun 2020	29
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Pembiayaan bagi Tahun 2020	30
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Sektor bagi Tahun 2020	31
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Jantina bagi Tahun 2020	32
Bayaran Balik Pembiayaan Mengikut Negeri bagi Tahun 2020.	33

<b>PRODUK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL</b>	<b>34</b>
Skim Pembiayaan TEKUN Niaga	35
Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN	35
Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN 2.0	36
Skim Pembiayaan Program TEMANNita	37
Skim Pembiayaan Program TEMANNita 2.0	38
Skim Pembiayaan Lanjutan Usahawan Setia (PLUS)	38
Skim Pembiayaan Kontrak-i	39
Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)	40
Program Agropreneur Muda 2.0	40
Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera	41
Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) Bumiputera	41
Skim Pembiayaan Usahawan Bekas Tentera (SPBT)	42
Skim Pembiayaan Nelayan	42
Skim Pembiayaan Orang Kurang Upaya (OKU)	43
Program Peluang Kedua	43
<b>PEMBANGUNAN USAHAWAN</b>	<b>44</b>
Program Pembangunan Usahawan	45
Pembangunan Usahawan	45
Pembangunan Perniagaan	46
Latihan Keusahawanan	47
Hub Pemborongan Usahawan Platinum Mall	50
<b>SALURAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL</b>	<b>52</b>
<b>INISIATIF TEKUN DALAM MEMBANTU USAHAWAN SEMASA PANDEMIK COVID 19</b>	<b>56</b>
Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM)	57
Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS)	58
Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur	58
Penangguhan Bayaran Balik (Moratorium)	59
Penjadualan Semula Pembiayaan	59
Pengeluaran Simpanan TEKUN	59
<b>SUBSIDIARI DAN ENTITI DI BAWAH TEKUN NASIONAL</b>	<b>60</b>
TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN CORP)	61
Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB)	63
Ar Rahnu TEKUN	64

<b>JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI &amp; RISIKO (JKAIR)</b>	<b>66</b>
<b>JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN INOVASI TEKUN NASIONAL</b>	<b>68</b>
<b>TAKAFUL KEMALANGAN DIRI TEKUN CARE</b>	<b>70</b>
<b>WASIAH</b>	<b>72</b>
<b>KAJIAN IMPAK PEMBIAYAAN BUMIPUTERA TEKUN NASIONAL</b>	<b>74</b>
Kajian Kes Ke Atas Produk Pembiayaan TEMAN TEKUN	
<b>ANUGERAH TEKUN NASIONAL</b>	<b>80</b>
<b>AKTIVITI TEKUN NASIONAL</b>	<b>84</b>
<b>ALAMAT PEJABAT TEKUN NASIONAL</b>	<b>98</b>
<b>EDITORIAL</b>	<b>101</b>



# KATA ALUAN



**DATO' ADAM BIN ABD GHANI**

Pengarah Urusan &  
Ketua Pegawai Eksekutif  
TEKUN Nasional

GG TEKUN Nasional telah berjaya menyalurkan pembiayaan tersebut kepada 56 ribu usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM655 juta. Satu pencapaian yang membanggakan kerana pelaksanaannya menghadapi pelbagai cabaran. JJ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat sekali lagi TEKUN Nasional menerbitkan Laporan Tahunan 2020.

Laporan Tahunan ini diterbitkan sebagai wacana yang melaporkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian TEKUN Nasional dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat seiring dengan usaha membangunkan usahawan mikro.

Tahun 2020, merupakan tahun yang paling mencabar dengan penularan wabak Covid 19 yang menjelaskan sosioekonomi dunia. Dalam menghadapi impak pandemik Covid 19, Kerajaan melalui TEKUN Nasional telah menyalurkan bantuan pembiayaan di bawah Pakej PRIHATIN berjumlah RM200 juta dan Pelan PENJANA berjumlah RM100 juta kepada usahawan mikro yang terkesan. Selain itu di bawah bajet 2020, TEKUN Nasional telah mendapat peruntukan sebanyak RM105 juta bagi pembiayaan usahawan mikro. Ini menjadikan keseluruhan peruntukan yang diterima oleh TEKUN Nasional pada tahun 2020 berjumlah RM405 juta.

TEKUN Nasional telah berjaya menyalurkan pembiayaan tersebut kepada 56 ribu usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM655 juta. Satu pencapaian yang membanggakan kerana pelaksanaannya menghadapi pelbagai cabaran.

Melalui penerbitan Laporan Tahunan 2020, kejayaan ini dapat didokumentasikan dalam bentuk data dan fakta, seterusnya dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian TEKUN Nasional pada setiap tahun.

Akhir kata, saya amat berharap prestasi cemerlang TEKUN Nasional bukan sahaja dapat dikekalkan malah dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menerbitkan Laporan Tahunan TEKUN Nasional 2020.

### **DATO' ADAM BIN ABD GHANI**

Pengarah Urusan &  
Ketua Pegawai Eksekutif  
TEKUN Nasional





## PENGENALAN

Sejarah penubuhan TEKUN Nasional bermula daripada hasil resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 1994 yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang. Salah satu resolusi KEB tersebut adalah untuk menyediakan saluran pembiayaan kepada peniaga dan penjaja kecil dengan mudah dan cepat.

Selaras dengan resolusi tersebut, Projek TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) telah dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan Dasar USM (PPD-USM) sebagai projek perintis di Pulau Pinang pada tahun 1995 dengan dana pusingan dibiayai oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). Projek perintis ini telah dikembangkan di Jeli, Kelantan pada tahun 1996 dan di Besut, Terengganu pada tahun 1997. Kejayaan projek perintis tersebut telah mendorong kerajaan untuk memperluaskan pelaksanaan Projek TEKUN ke seluruh negara pada tahun 1998.

Pada peringkat awal penubuhan, TEKUN Nasional dikenali sebagai Yayasan TEKUN Nasional dan didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai sebuah Syarikat Berhad menurut Jaminan. Yayasan TEKUN Nasional ditubuh dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn).

Pada tahun 2008, TEKUN telah ditransformasi menjadi sebuah organisasi yang bukan hanya menyediakan modal perniagaan, tetapi turut menjadi agensi pembangunan usahawan yang strategik.

Yayasan TEKUN Nasional telah melaksanakan penjenamaan semula kepada TEKUN Nasional dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Lanjut daripada penstruktur semula struktur kementerian dan pembubaran MECD, TEKUN Nasional diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada tahun 2009. Selaras dengan perubahan pentadbiran kerajaan pada tahun 2018, TEKUN Nasional diletakkan semula di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang diwujudkan semula oleh pihak kerajaan.





## Matlamat penubuhan TEKUN Nasional



- 01 Memberi peluang perniagaan serta penjanaan pendapatan.
- 02 Menyediakan pembiayaan modal perniagaan.
- 03 Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan sokongan.
- 04 Menyediakan jaringan usahawan.

Dalam usaha mencapai hasrat kerajaan untuk membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) serta pelaksanaan Hala Tuju Baru dan penjenamaan semula ini, TEKUN Nasional merupakan agensi pelaksana yang dinamik serta mampu memainkan peranan dengan lebih berkesan bagi memenuhi matlamat penubuhannya. Dengan kejayaan MPPB ini, martabat bangsa Melayu dan Bumiputera dalam bidang keusahawanan akan tercapai dan diperkuuhkan.

### VISI

Sebagai institusi peneraju pembiayaan mikro yang unggul

### MISI

Melahirkan dan membangunkan usahawan melalui pembiayaan mikrokredit yang mudah diakses



## PERANAN & OBJEKTIF

- Menyediakan pembiayaan usahaniaga mikro yang mudah, cepat dan mesra usahawan.

- Menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan TEKUN.

- Mewujudkan komuniti dan jaringan usahawan.

- Memupuk Budaya Keusahawanan dan menabung di kalangan usahawan.

- Memastikan pembiayaan yang dikeluarkan dapat dikutip semula mengikut jadual agar dapat disalurkan semula kepada usahawan lain.



**YB USTAZ SHAHARIZUKIRNAIN  
BIN ABD KADIR**  
PENGERUSI



**PUAN NAJWAH HALIMAH  
BINTI AB ALIM**  
TIMBALAN PENGERUSI



**DATUK HAJI ZAMRI  
@ FAZILLAH BIN SALLEH**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
MEDAC



**DATO' ADAM  
BIN ABD GHANI**  
PENGARAH URUSAN &  
KETAU PEGAWAI EKSEKUTIF



**DATUK WAN MOHD  
SHAHARIR BIN  
WAN ABD JALIL**  
AHLI LEMBAGA AMNAH



**DATO' HJ PIRDAUS  
BIN HJ ISMAIL**  
AHLI LEMBAGA AMNAH



**PUAN FAIRUZ  
BINTI MOHD YATIM**  
AHLI LEMBAGA AMNAH

# AHLI LEMBAGA AMANAH



**ENCIK KHALID  
BIN MOHAMED**  
TIMBALAN PENGARAH 1,  
PENGURUSAN,  
BAHAGIAN BAJET & PEMBANGUNAN  
KEMENTERIAN EHWAL EKONOMI



**PUAN UMMI SYAHIDAH  
BINTI AHMAD BUSTAMAM**  
KETUA PENOLONG PENGARAH,  
PEJABAT BELANJAWAN NEGARA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



**ENCIK MOHD AZRIN  
BIN ABDULL RAHIM**  
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA,  
BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



**ENCIK MIKAI  
AK MANDAU**  
AHLI LEMBAGA AMANAH



**ENCIK ZUHAIMY  
BIN MD ISA**  
AHLI LEMBAGA AMANAH



**PUAN MIZMA  
BINTI APPEHDULLAH**  
AHLI LEMBAGA AMANAH

# JAWATANKUASA PENGURUSAN

## PENGURUSAN TERTINGGI



**01 DATO' ADAM  
BIN ABD GHANI**  
Pengarah Urusan &  
Ketua Pegawai Eksekutif

**03 HJ. ROSHAIMI  
BIN HARUN**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Pengurusan Korporat)

**05 ENCIK YASIR  
BIN SALAM**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Operasi)

**02 ENCIK OMAR  
BIN OTHMAN**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Kewangan)

**04 ENCIK AISHAMUDDIN  
BIN ZULKEFLI**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Perancangan &  
Pembangunan)

# TEKUN NASIONAL

## EX-OFFICIO



06

**PUAN SUHAILY RAINI  
BINTI MD HAMDAN**

Ketua Bahagian  
Perancangan Strategik

08

**EN. MD RUKEMI  
BIN ISHAK**

Ketua Jabatan  
Audit Dalam

10

**HAJI MOHAMAD RAZMAN  
BIN RAZAK**

Ketua Jabatan Integriti &  
Pengurusan Risiko

07

**PUAN NADIAH HANI  
BINTI ALI**

Ketua Jabatan Undang-Undang

09


**ENCIK SYAMSUL KAMAL  
BIN AHMAD**

Ketua Jabatan Teknologi  
Maklumat dan Komunikasi

# CARTA ORGANISASI

JAWATANKUASA AUDIT,  
INTEGRITI & RISIKO

JAWATANKUASA  
PEMBANGUNAN & INOVASI



# TEKUN NASIONAL 2020

## LEMBAGA AMANAH

DATO' ADAM BIN ABD GHANI  
PENGARAH URUSAN &  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

OMAR OTHMAN  
Timbalan Ketua  
Pegawai Eksekutif  
(KEWANGAN)

AISHAMUDDIN ZULKEFLI  
Timbalan Ketua  
Pegawai Eksekutif  
(PERANCANGAN & PEMBANGUNAN)

JABATAN PEMULIHAN &  
BAYARAN BALIK  
  
Ketua Jabatan  
**Mohd Suhairul Mohd Sani**

JABATAN PEMANTAUAN &  
KAWALAN KREDIT  
  
Ketua Jabatan  
**Abd Aziz Mohd Abdul Mubin**

BAHAGIAN  
PENGURUSAN  
KEWANGAN  
  
Ketua Bahagian  
**Yusoff Awang**

JABATAN AKAUN &  
KEWANGAN  
  
Ketua Jabatan  
**Dato' Zulhelmi Abdul Halim**

JABATAN PENGURUSAN  
KEWANGAN SUBSIDIARI  
  
Ketua Jabatan  
**Zurainee Mohd Noh**

JABATAN BAJET &  
PELAPORAN  
  
Ketua Jabatan  
**Zurainee Mohd Noh**

JABATAN PENYELARASAN  
PEMBAYARAN  
  
Ketua Jabatan  
**Emmy Nizam Taib**

BAHAGIAN  
PERANCANGAN  
STRATEGIK  
  
Ketua Bahagian  
**Suhaily Raini Md Hamdan**

JABATAN PENYELIDIKAN &  
PEMBANGUNAN  
  
Ketua Jabatan  
**Mariani Ali Amran**

JABATAN SYARIAH  
  
Timb. Ketua Jabatan  
**Mohd Danial Mohd Razali @ Busu**

JABATAN SISTEM & KADEAH  
  
Ketua Jabatan  
**Azrak Ahmad Zaman**

BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN  
USAHAWANAN  
  
Ketua Bahagian  
**Hj. Md Ahirun Ruba'ain**

JABATAN PEMBANGUNAN  
PERNIAGAAN  
  
Ketua Jabatan  
**Hj Muhammad Yusman Yusoff**

JABATAN LATIHAN  
KEUSAHAWANAN  
  
Ketua Jabatan  
**Johan Buang @ Awang**

UNIT PEMBANGUNAN  
USAHAWAN NEGERI

JABATAN  
AR-RAHNU  
  
Ketua Jabatan  
**Nora Mat Ail**

8 CAWANGAN AR RAHNU

TEKUN CORP  
**Ahmad Hambali Zainal Ahmad**

KOPERASI RAKAN TEKUN  
**Norshazli Ramli**

## PERANCANGAN STRATEGIK TEKUN NASIONAL 2020

Perancangan Strategik TEKUN Nasional 2020 disediakan sebagai panduan, rujukan serta perancangan perniagaan dalam melaksanakan halatuju, matlamat serta sasaran TEKUN Nasional dalam usaha penambahbaikan yang berterusan. Ia turut merangkumi strategi yang akan dilaksanakan oleh entiti dan subsidiari di bawah TEKUN Nasional seperti TEKUN Corporation Sdn Bhd (TCorp) serta Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB).

Bagi tujuan tersebut, TEKUN Nasional telah merangka pelan pada 2020 dengan memberikan fokus kepada penyaluran

pembiayaan kepada golongan usahawan Bottom-40 (B40). Pada tahun 2020, TEKUN mensasarkan 80% usahawan TEKUN adalah B40

Bagi meningkatkan taraf ekonomi usahawan B40, pada tahun 2020 TEKUN telah mensasarkan penyaluran pembiayaan sebanyak RM330 juta untuk disalurkan kepada 22,000 usahawan di mana 18,000 daripada usahawan tersebut adalah kategori usahawan baharu.

*Nota : Golongan B40 adalah kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah iaitu isi rumah berpendapatan sehingga RM4,360 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2016)*

### TERAS STRATEGIK TEKUN NASIONAL 2020

Dokumen Perancangan Strategik TEKUN Nasional 2020 ini disediakan untuk menjelaskan halatuju TEKUN Nasional pada tahun 2020 yang menggunakan Teras Strategik seperti berikut:

**1**

#### TERAS STRATEGIK 1: PENGURUSAN PEMBIAYAAN

- Penyaluran pembiayaan
- Penilaian kredit

**2**

#### TERAS STRATEGIK 2: PENGURUSAN BAYARAN BALIK

- Kutipan
- Payment System
- Pemantauan & Recovery
- Pelaksanaan Direct Debit e-Mandate

**3**

#### TERAS STRATEGIK 3: PEMBANGUNAN USAHAWAN

- Pembangunan usahawan / kapasiti
- Pembangunan perniagaan
- Pembangunan produk Halal
- Latihan keusahawanan
- Akses pasaran

**4**

#### TERAS STRATEGIK 4: FEE BASED INCOME

- Penjanaan pendapatan
- Aktiviti Fee Based Income

**5**

#### TERAS STRATEGIK 5 : TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN

- Pengurusan sumber manusia
- Kompetensi
- Sistem & teknologi
- Pengurusan perolehan dan fasiliti
- Pengurusan rekod dan kualiti

## SUBSIDIARI TEKUN

Subsidiari TEKUN iaitu TEKUN Corporation dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad adalah dua entiti yang diberi mandat memainkan peranan penting untuk mendokong perancangan yang telah dibuat.

### 1. TEKUN Corporation Sdn Bhd (TCORP)

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

#### 01 Pemasaran

- Media sosial
- Pemasaran e-dagang
- Pemasaran event



#### 02 Pusat panggilan pelanggan



#### 03 Perunding pembangunan perniagaan



#### 04 Rangkaian TEKUN Mart

- Melaka
- TCorp dengan MEDAC (Kiosk Singgah@ MEDAC)



#### 05 TEKUN Mart Mobile



#### 06 Usahasama strategik, modal teroka berskala kecil



#### 07 Anchor Company - pembekalan produk di Platinum Mall



### 2. Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB)

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

#### 01 Kemudahan kredit kepada warga kerja



#### 02 Ejen kutipan hutang



## PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN / PROJEK BARU

Penambahbaikan berterusan dilaksanakan bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan/ usahawan dan secara tidak langsung memberi impak positif kepada TEKUN Nasional itu sendiri dari segi imej korporat dan kelancaran operasi.

Selain daripada perancangan untuk meningkatkan penjanaan pendapatan, TEKUN Nasional juga sentiasa memastikan perbelanjaan dilaksanakan secara berhemah. Berikut adalah cadangan penambahbaikan dan projek baru yang dilaksanakan pada tahun 2020:

### 01 Pelaksanaan Direct Debit e-Mandat

Pelaksanaan kaedah e-Mandate - bayaran balik akan dipotong daripada akaun bank peminjam secara terus dan berjadual dengan kebenaran pemohon itu sendiri.

### 02 Permohonan pembiayaan secara atas talian

Kaedah pelaksanaan yang ditambah baik bagi memberi kemudahan kepada pelanggan. Proses ini dapat membantu mempercepatkan proses permohonan pembiayaan di peringkat negeri dan cawangan.

### 03 Pembiayaan kepada Industri Kreatif

Industri kreatif multimedia (penerbitan filem, pengiklanan, animasi), industri kreatif seni budaya (seni muzik, penulisan kreatif, kraf, ukiran, tekstil) serta industri kreatif warisan budaya dan sebagainya yang tidak bersifat konvensional. Pembiayaan ini turut terbuka kepada usahawan terutamanya golongan muda yang telah mengikut program dan latihan di dalam kemajuan teknologi IR4.0 meliputi bidang 3D Animation, Video Editing, Audio Production dan Performing Arts.

### 04 TEKUN Mobilepreneur

Membuka peluang terutamanya kepada golongan belia untuk menjana pendapatan secara sepenuh masa atau sambilan. Selain daripada penghantaran makanan, khidmat penghantaran juga meliputi barang keperluan lain seperti barang runcit, pakaian dan sebagainya.

### 05 Pelaksanaan ScoreXcess

Satu kaedah penyelesaian bersepadu yang memudahkan proses permohonan pembiayaan dan meningkatkan tahap kecekapannya. Keupayaan ScoreXcess ini akan memudahkan keputusan yang berdasarkan data di samping mempercepatkan proses kelulusan.

### 06 Pelaksanaan Big Data TEKUN Nasional


Pelaksanakan Big Data Analytics (BDA) bertujuan bagi meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan berdasarkan fakta dan data. Pelaksanaan adalah merujuk kepada inisiatif sedia ada iaitu:

- i. Data Terbuka (MAMPU)
- ii. BLESS (MED)
- iii. SCenIc (SME Corp)
- iv. DWH (TEKUN)

## MAKLUMAT PERJAWATAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN WARGA KERJA TEKUN NASIONAL

Warga kerja merupakan aset utama dalam sebuah organisasi. Kejayaan yang dikehendaki oleh organisasi dapat dicapai dengan sumbangan tenaga kerja yang komited dan berdedikasi. Bagi tahun 2020, TEKUN Nasional mempunyai warga kerja berjumlah 1,296 pegawai di seluruh negara yang memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan fungsi-fungsi utama TEKUN Nasional.

### Warga kerja TEKUN ini meliputi :-



JUMLAH WARGA KERJA


1,296

Pada tahun 2020 seramai 864 warga kerja telah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh TEKUN Nasional. Sepanjang tahun 2020 sebanyak 57 kursus/ latihan telah diadakan yang meliputi 32 kursus dalaman dan 23 kursus luar yang melibatkan seramai 1,575 orang warga kerja.

Bagi meningkatkan lagi produktiviti dan prestasi warga kerja pelbagai kursus telah dilaksanakan dalam pelbagai kategori seperti Program Latihan Staf Baru (PLSB) / Induksi, Kursus Kemahiran Kerja (Dalaman), Kursus Kemahiran Kerja Reskilling (Luaran), Kursus Pembangunan Insan (Dalaman) dan Kursus Pembangunan Insan Luaran).

#### PENGLIBATAN WARGA KERJA DALAM KURSUS TEKUN NASIONAL 2020

BIL	KATEGORI	BIL KURSUS	BIL KEHADIRAN
1	Program Latihan Staf Baru (PLSB) / Induksi	2	53
2	Kursus Kemahiran Kerja ( Dalaman )	19	477
3	Kursus Kemahiran Kerja Reskilling ( Luaran )	19	40
4	Kursus Pembangunan Insan ( Dalaman )	13	991
5	Kursus Kemahiran Kerja ( Dalaman )	4	14
Keseluruhan		57	1,575





Peranan utama TEKUN Nasional adalah menyediakan pembiayaan kepada usahawan mikro bagi memula dan mengembangkan perniagaan mereka. Bagi memenuhi keperluan usahawan, TEKUN telah memperkenal dan melaksanakan beberapa produk pembiayaan seperti Produk TEKUN Niaga, TEMAN TEKUN, TEMANNita, Kontrak-i dan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI). TEKUN juga menawarkan produk khusus kepada golongan sasar di bawah Program Agropreneur Muda, Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera dan Program Pembangunan Usahawan Siswazah.

Sejak tahun 1999 sehingga 2020, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM6.40 bilion kepada 474,965 orang usahawan diseluruh negara dan kutipan bayaran balik adalah sebanyak RM4.59 bilion. Tahun 2020 seramai 33,365 orang usahawan telah menerima pembiayaan dengan jumlah RM655.4 juta dan jumlah kutipan bayaran balik pembiayaan sebanyak RM382.3 juta.

## PRODUK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL



Agropreneur Muda



Kontrak-i



TEKUN Niaga



TEMAN TEKUN



TEMANNita



Skim  
Pembangunan  
Usahawan  
Masyarakat  
India (SPUMI)



Program  
Pembangunan  
Usahawan  
Profesional  
Muda Bumiputera



Program  
Pembangunan  
Usahawan  
Siswazah

Tahun

**1999-2020**

TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak:

**RM6.4**  
Billon

**474,965**  
Usahawan

Tahun

**2020**

TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak:

**RM655.4**  
Juta


**33,365**  
Usahawan

## PEMBIAYAAN TERKUMPUL TEKUN NASIONAL (1999-2020)

### PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN (1999-2020)

TAHUN	BIL USAHAWAN	BIL PEMBIAYAAN	NILAI (RM)
1999	5,322	5,322	15,705,000
2000	15,039	15,275	45,090,500
2001	18,718	20,929	89,551,500
2002	17,072	21,324	98,947,000
2003	15,461	21,106	116,221,500
2004	12,281	18,625	123,076,500
2005	7,317	12,075	81,692,000
2006	7,539	10,736	72,681,000
2007	10,136	13,713	129,005,600
2008	20,567	25,187	358,238,100
2009	24,764	28,429	291,516,600
2010	22,127	25,912	179,489,000
2011	24,927	34,510	311,741,200
2012	35,903	50,499	508,235,300
2013	41,679	55,093	535,536,500
2014	25,163	36,480	349,147,750
2015	32,883	47,270	582,404,832
2016	42,141	52,369	703,374,500
2017	21,752	29,465	382,545,584
2018	20,134	27,628	354,138,500
2019	20,675	28,664	423,603,400
2020	33,365	56,027	655,408,000
JUMLAH	474,965	636,638	6,407,349,866


PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN  
(1999-2020)



**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI  
(1999-2020)**


NEGERI	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
JOHOR	69,708	52,445	749,989,300
KEDAH	64,869	47,847	597,444,732
KELANTAN	60,639	40,974	564,857,600
MELAKA	19,028	13,902	226,073,700
NEGERI SEMBILAN	26,724	21,422	317,474,100
PAHANG	46,470	34,437	456,539,700
PERAK	42,547	32,726	431,651,200
PERLIS	10,791	7,870	102,656,600
PULAU PINANG	26,229	20,808	254,474,400
SABAH	66,655	50,600	618,159,984
SARAWAK	50,605	35,477	363,596,900
SELANGOR	71,725	59,087	892,745,350
TERENGGANU	58,741	39,364	519,427,900
WILAYAH PERSEKUTUAN	21,907	18,006	312,258,400
JUMLAH	<b>636,638</b>	<b>474,965</b>	<b>6,407,349,866</b>

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI  
(1999-2020)**



**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT UMUR  
(1999-2020)**


UMUR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
18 - 30 Tahun	178,011	28%	1,720,417,000
31 - 40 Tahun	214,571	34%	2,228,775,582
41 - 50 Tahun	164,239	26%	1,679,405,484
51 - 60 Tahun	73,842	12%	727,784,300
61 Tahun ke atas	5,975	0.9%	50,967,500
JUMLAH	636,638	100	6,407,349,866



Penyaluran pembiayaan mengikut umur dari tahun 1999 sehingga 2020 menunjukkan julat umur antara 31 – 40 merupakan julat tertinggi yang menerima pembiayaan iaitu sebanyak 34% dengan jumlah pembiayaan bernilai RM2.23 bilion

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT PEMBIAYAAN  
(1999-2020)**


JULAT PEMBIAYAAN	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
RM5,000 dan ke bawah	265,741	42%	977,792,800
RM5,001 - RM10,000	233,019	37%	1,875,231,850
RM10,001 - RM20,000	87,543	14%	1,343,619,700
RM20,001 - RM30,000	20,934	3%	536,811,700
RM30,001 - RM40,000	8,438	1%	302,416,084
RM40,001 - RM50,000	11,288	2%	557,395,800
RM50,001 – RM100,000	9,675	2%	814,081,932
<b>JUMLAH</b>	<b>636,638</b>	<b>100</b>	<b>6,407,349,866</b>



Julat pembiayaan RM5,000 dan ke bawah merupakan bilangan pembiayaan yang tertinggi melibatkan 265,741 usahawan ( 42% ) dengan nilai pembiayaan berjumlah RM977 juta.

### PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR (1999-2020)


SEKTOR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Perkhidmatan	273,518	43%	2,598,157,850
Peruncitan	234,535	37%	2,075,762,932
Pertanian & Perusahaan Asas Tani	51,379	8%	480,678,300
Pembuatan	52,374	8%	446,672,500
Kontraktor Kecil	24,832	4%	806,078,284
JUMLAH	636,638	100	6,407,349,866



Sebanyak 273,518 (43%) pembiayaan dikeluarkan di bawah sektor perkhidmatan dengan jumlah pembiayaan bernilai RM2.59 bilion.

### PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JANTINA (1999-2020)

JANTINA	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Wanita	352,721	55%	3,062,505,016
Lelaki	283,917	45%	3,344,844,850
JUMLAH	636,638	100	6,407,349,866




Usahawan wanita menerima biaya paling ramai iaitu 352,721 (55%) pembiayaan berjumlah RM3.06 bilion berbanding usahawan lelaki iaitu 283,917 (45%) pembiayaan.

**BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN  
(1999-2020)**

TAHUN	NILAI (RM)	TAHUN	NILAI (RM)
1999	2,604,232	2010	154,690,971
2000	15,155,971	2011	181,301,087
2001	34,856,214	2012	281,874,585
2002	66,415,169	2013	346,611,376
2003	87,447,534	2014	312,420,109
2004	102,960,828	2015	355,894,194
2005	96,051,516	2016	551,932,835
2006	82,352,235	2017	554,650,120
2007	91,556,973	2018	518,539,940
2008	100,883,760	2019	512,019,773
2009	146,609,029	2020	382,293,212


**JUMLAH : RM4,979,121,663**



# LAPORAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2020


## PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2020

NEGERI	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
JOHOR	6,992	4,319	85,868,400
KEDAH	4,101	2,368	48,559,000
KELANTAN	5,899	2,910	62,982,600
MELAKA	1,971	1,149	23,648,000
NEGERI SEMBILAN	2,340	1,494	34,482,600
PAHANG	4,197	2,342	55,333,200
PERAK	3,179	1,926	37,557,000
PERLIS	877	448	10,476,000
PULAU PINANG	2,280	1,527	22,023,000
SABAH	5,840	2,725	71,378,500
SARAWAK	4,078	2,343	46,750,000
SELANGOR	8,055	5,992	91,241,600
TERENGGANU	3,858	2,180	37,469,700
WILAYAH PERSEKUTUAN	2,360	1,642	27,638,400
JUMLAH	56,027	33,365	655,408,000



**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT UMUR  
BAGI TAHUN 2020**


UMUR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
18 - 30 Tahun	17,964	32%	196,469,000
31 - 40 Tahun	21,352	38%	238,035,900
41 - 50 Tahun	12,289	22%	151,634,900
51 - 60 Tahun	4,338	8%	63,675,200
61 Tahun ke atas	84	0.1%	5,593,000
JUMLAH	56,027	100	655,408,000



Penyaluran pembiayaan mengikut umur pada tahun 2020 menunjukkan julat umur antara 31 – 40 merupakan julat tertinggi yang menerima pembiayaan iaitu sebanyak 38% dengan jumlah pembiayaan bernilai RM238 juta.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT PEMBIAYAAN  
BAGI TAHUN 2020**


JULAT PEMBIAYAAN	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
RM5,000 dan ke bawah	14,743	26%	66,451,000
RM5,001 - RM10,000	33,447	60%	277,905,000
RM10,001 - RM20,000	3,519	6%	54,623,000
RM20,001 - RM30,000	938	2%	26,803,000
RM30,001 - RM40,000	713	1%	27,043,000
RM40,001 - RM50,000	676	1%	33,144,000
RM50,001 – RM100,000	1,991	4%	169,439,000
<b>JUMLAH</b>	<b>56,027</b>	<b>100</b>	<b>655,408,000</b>



Julat pembiayaan RM5,001-RM10,000 merupakan julat paling tinggi yang menerima pembiayaan melibatkan 33,447 bilangan pembiayaan bernilai RM277,905,000 atau 60% daripada jumlah keseluruhan.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR  
BAGI TAHUN 2020**


SEKTOR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Perkhidmatan	26,753	48%	247,410,100
Peruncitan	17,137	31%	155,862,500
Pembuatan	4,992	9%	43,280,500
Kontraktor Kecil	4,747	8%	187,615,400
Pertanian & Perusahaan Asas Tani	2,398	4%	21,239,500
JUMLAH	56,027	100	655,408,000



Sektor perkhidmatan merupakan sektor tertinggi menerima pembiayaan iaitu sebanyak 48% diikuti sektor peruncitan sebanyak 31% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan.

### PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JANTINA BAGI TAHUN 2020


JANTINA	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Wanita	29,910	53%	292,001,900
Lelaki	26,117	47%	363,406,100
JUMLAH	56,027	100	655,408,000



Usahawan wanita menerima pembiayaan tertinggi iaitu seramai 29,910 (53%) orang usahawan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM292 juta. Manakala usahawan lelaki seramai 26,117 (47%) orang.

BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI  
BAGI TAHUN 2020

NEGERI	NILAI
JOHOR	51,340,206
SELANGOR	42,683,321
SABAH	42,180,263
PAHANG	35,766,959
SARAWAK	34,938,267
KEDAH	34,400,686
KELANTAN	29,799,855
PERAK	23,829,997
NEGERI SEMBILAN	21,088,439
TERENGGANU	20,366,487
W. PERSEKUTUAN	14,449,928
MELAKA	13,721,688
PULAU PINANG	10,082,212
PERLIS	7,644,904
JUMLAH	382,293,212





## Skim Pembiayaan TEKUN Niaga

Skim ini merupakan produk pembiayaan utama yang dilaksanakan sejak tahun 1998 dengan nilai pembiayaan dari RM1,000 sehingga RM10,000 pada awal pelaksanaannya.

Skim ini telah ditambah baik dan ditingkatkan had pembiayaan sehingga RM100,000 mengikut keperluan semasa. Bagi tahun 2020 sejumlah RM106.5 juta pembiayaan telah dikeluarkan kepada 4,224 orang usahawan.

Syarat asas permohonan pembiayaan TEKUN ialah:

- i. Bumiputera dan warganegara Malaysia.
- ii. Berumur antara 18 hingga 60 tahun.
- iii. Pemohon perlu mempunyai lesen/ permit / daftar perniagaan yang sah (SSM).
- iv. Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus / bermula secara bergerak (mobile).

## Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN

Skim ini menggunakan konsep pembiayaan secara berkumpulan seramai 5 orang dalam satu kumpulan. Usahawan dalam kumpulan tersebut hendaklah mempunyai premis/tapak perniagaan yang berdekatan antara satu sama lain dalam lingkungan kurang daripada 10 kilometer. Usahawan perlu menghadiri perjumpaan mingguan bersama Pegawai TEKUN di lokasi perniagaan / Pejabat TEKUN Cawangan /tempat yang bersesuaian. Nilai pembiayaan bagi skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN telah menyalurkan RM548 juta kepada 77,059 usahawan yang melibatkan 15,412 kumpulan. Manakala bagi tahun 2020, sebanyak RM20.5 juta telah disalurkan kepada 2,218 orang usahawan melibatkan 444 kumpulan.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan TEMAN TEKUN serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 60 tahun.
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan. (Lelaki atau Wanita)
- iv. Pemohon perlu mempunyai lesen / permit / daftar perniagaan yang sah (SSM).
- v. Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus/ bermula secara bergerak (mobile).

### Penyaluran Pembiayaan TEMAN TEKUN Bagi Tahun 2015-2020

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2015 - 2020	77,059	77,059	15,412	548,073,000
2020	2,220	2,218	444	20,517,500



## Skim Pembiayaan TEMAN 2.0

Skim ini adalah lanjutan daripada TEMAN TEKUN yang ditambah baik kaedah pelaksanaannya dan menggunakan konsep Grameen Bank. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, Skim Pembiayaan TEMAN 2.0 telah menyalurkan RM39.5 juta kepada 5,756 usahawan yang melibatkan 1,151 kumpulan.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:

- Bumiputera
- Berumur antara 18 hingga 60 tahun.
- Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan ( Lelaki atau Wanita )
- Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan
- Bayaran balik secara mingguan
- Perlu menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi yang telah ditetapkan.

### Penyaluran Pembiayaan TEMAN 2.0 Bagi Tahun 2018-2020

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2018-2020	6,422	5,756	1,151	39,519,500
2020	3,301	3,253	650	20,517,500

### Skim Pembiayaan Program TEMANNita

Skim pembiayaan ini adalah sama seperti Skim TEMAN TEKUN. Walau bagaimanapun skim ini dikhkususkan untuk golongan wanita dan telah dilancarkan pada tahun 2017. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Seramai 14,273 usahawan wanita melibatkan 2,918 kumpulan dengan pembiayaan bernilai RM95.63 juta.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan TEMANNita serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 60 tahun.
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan ( wanita sahaja ).
- iv. Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan.
- v. Bayaran balik secara mingguan.
- vi. Perlu menghadiri perjumpaan setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi perniagaan / Pejabat TEKUN Cawangan/ tempat yang bersesuaian.

### Penyaluran Pembiayaan TEMANNita Bagi Tahun 2017-2020

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2017-2020	14,591	14,273	2,918	95,631,000
2020	906	906	650	6,515,500



## Skim Pembiayaan TEMANNita 2.0

Skim ini adalah lanjutan daripada Skim TEMANNita yang ditambah baik kaedah pelaksanaannya dan menggunakan konsep Grameen Bank. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 60 tahun.
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan (Lelaki atau Wanita).
- iv. Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan.
- v. Bayaran balik secara mingguan.
- vi. Perlu menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi yang telah ditetapkan.

### Penyaluran Pembiayaan Skim TEMANNita 2.0 Bagi Tahun 2020

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2020	44	43	8	241,000

## Skim Pembiayaan Lanjutan Usahawan Setia (PLUS)

Skim ini merupakan pembiayaan kepada usahawan yang telah membuat pembiayaan Skim Pembiayaan TEMAN 2.0 atau TEMANNita 2.0 dengan rekod pembiayaan yang baik. Nilai pembiayaan di bawah skim ini bermula dari RM1,000 hingga RM3,000 dengan tempoh pembiayaan antara 6 bulan atau 9 bulan sahaja serta bayaran balik secara mingguan.

Pemohon yang layak perlu menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi yang telah ditetapkan.

### Penyaluran Pembiayaan Lanjutan Usahawan Setia (PLUS) Bagi Tahun 2020

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
2020	49	48	142,000

## Skim Pembiayaan Kontrak-i

Objektif pinjaman melalui Skim Kontrak-i adalah bertujuan membantu dan menyediakan akses pinjaman segera kepada usahawan yang telah mendapat kontrak kerja atau pembekalan tetapi kurang modal. Produk ini juga memfokuskan usahawan yang kontrak pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Skim ini menyediakan alternatif dan kemudahan pembiayaan kepada usahawan untuk mendapatkan modal tambahan dengan lebih cepat.

Di antara bidang atau sektor yang dibiayai adalah seperti kontraktor kecil, pembuatan, perkhidmatan, peruncitan dan pertanian. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015 sehingga tahun 2020, seramai 7,050 orang usahawan menerima pembiayaan bernilai RM653.51 juta. Manakala bagi tahun 2020 seramai 2,404 orang usahawan menerima pembiayaan berjumlah RM175.10 juta. Kelebihan skim ini adalah mempunyai tempoh pembiayaan yang lebih fleksibel, caj pengurusan yang rendah, tanpa penjamin atau cagaran, tanpa deposit dan kaedah pembiayaan secara lumpsum.

### Penyaluran Pembiayaan Skim Kontrak-i Bagi Tahun 2015-2020

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
2015-2020	11,697	7,050	653,517,584
2020	2,835	2,404	175,104,000



## **Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)**

TEKUN turut menyediakan kemudahan pembiayaan kepada masyarakat India yang ingin memulakan dan menjalankan perniagaan melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI). Skim ini diperkenalkan pada tahun 2008 kepada masyarakat India yang berumur 18 hingga 60 tahun. Sejak tahun 2008 hingga 2020, jumlah pengeluaran pembiayaan adalah bernilai RM323.3 juta kepada 20,150 usahawan. Bagi tahun 2020 seramai 464 usahawan mendapat pembiayaan bernilai RM16.8 juta.

### **Penyaluran Pembiayaan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) Bagi Tahun 2008-2020**

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
2008-2020	22,512	20,150	323,305,900
2020	617	464	16,789,000

## **Program Agropreneur Muda 2.0**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Unit Agropreneur Muda telah mewujudkan Program Agropreneur Muda. Program ini bertujuan menggalakkan penglibatan belia atau anak muda secara langsung dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan. Program ini juga merangkumi aktiviti industri atas tani seperti pemasaran, khidmat sokongan dan agro pelancongan. Syarat-syarat penyertaan di bawah program ini:

- i. Berumur antara 18-40 tahun.
- ii. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM50,000.
- iii. Tempoh bayaran balik pembiayaan sehingga 5 tahun.
- iv. Kadar keuntungan sebanyak 2% setahun (caj 2% lagi ditanggung oleh kerajaan)

Sejak tahun 2015 sehingga tahun 2020, program ini telah menyalurkan pembiayaan kepada 478 orang usahawan dengan nilai RM17.2 juta. Pada tahun 2020, sejumlah RM55,000 pembiayaan telah disalurkan kepada 2 orang usahawan dibawah skim Program Agropreneur Muda.

## Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera

TEKUN menggalakkan golongan profesional untuk memula dan mengembangkan perniagaan mereka sendiri dengan menyertai Program Profesional Muda Bumiputera yang diiktiraf oleh badan profesional seperti doktor, akauntan, jurutera, optometris, ahli farmasi dan peguam. Pemohon boleh mengamalkan bidang kemahiran profesional mereka ataupun bidang yang berlainan. Program ini menyediakan pembiayaan sehingga RM100,000 dan tempoh bayaran balik sehingga 10 tahun. Kelebihan menyertai program ini adalah:

- i. Perniagaan boleh dijalankan secara individu atau perkongsian pintar (smart partnership).
- ii. Bilangan maksimum rakan kongsi bagi perkongsian pintar adalah 3 orang profesional.
- iii. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM100,000 bagi setiap rakan kongsi.

Sejak tahun 2015 sehingga tahun 2020, program ini telah menyalurkan pembiayaan kepada 279 orang usahawan dengan nilai RM18.6 juta. Pada tahun 2020, sejumlah RM2.48 juta pembiayaan telah disalurkan kepada 43 orang usahawan profesional.



## Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) Bumiputera

Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) bertujuan untuk membantu siswazah yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan yang sedia ada. Kelebihan menyertai program ini adalah:

- i. Perniagaan boleh dijalankan secara individu atau perkongsian pintar (smart partnership).
- ii. Bilangan maksimum rakan kongsi bagi perkongsian pintar adalah 3 orang siswazah.
- iii. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM50,000 bagi setiap rakan kongsi.

TEKUN komited dalam membantu dan memberi peluang kepada siswazah yang ingin menceburi bidang perniagaan. Program ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2009, telah membantu 1,982 usahawan siswazah dengan nilai pembiayaan berjumlah RM39.4juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.5 juta telah disalurkan kepada 306 orang usahawan siswazah pada tahun 2020.



## Skim Pembiayaan Usahawan Bekas Tentera (SPBT)

Program kerjasama antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dengan TEKUN bertujuan membantu bekas anggota tentera untuk mendapatkan modal perniagaan dan menceburi bidang keusahawanan. Skim tersebut bukan sahaja untuk bekas tentera tetapi juga untuk ahli keluarga (pasangan/anak) yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

Skim ini menyediakan pembiayaan dengan nilai maksimum RM100,000 dan tempoh pembiayaan 10 tahun. Bagi pembiayaan kepada pasangan atau anak bekas tentera dihadkan sehingga RM50,000. Bermula dari tahun 2015-2020, sebanyak RM9.1 juta telah disalurkan kepada 167 orang usahawan. Bagi tahun 2020, seramai 38 orang usahawan telah menerima pembiayaan berjumlah RM1.2juta.



## Skim Pembiayaan Nelayan

Skim Pembiayaan Nelayan ditawarkan kepada golongan nelayan yang mempunyai lesen menjalankan aktiviti perikanan dan memerlukan modal bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti perikanan. Skim ini juga membantu mengurangkan beban hutang dan memerangi orang tengah melalui pengambilalihan hutang nelayan. TEKUN telah menyediakan pembiayaan kepada golongan nelayan dalam 4 aktiviti iaitu:

- i. Menyelesaikan hutang nelayan dengan menyalurkan pembiayaan terus kepada orang tengah.
- ii. Membeli peralatan asas kelengkapan perikanan seperti sampan, enjin & pukat.
- iii. Perniakan ikan dalam sangkar (Akuakultur).
- iv. Pembiayaan kepada pasangan nelayan untuk aktiviti yang boleh menjana dan menambah pendapatan.

TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM27.03juta kepada 3,192 orang usahawan perikanan dan nelayan sejak tahun 2014 sehingga 2020. Bagi tahun 2020 seramai 101 orang usahawan perikanan dan nelayan telah menerima pembiayaan berjumlah RM1.1 juta.

## Skim Pembiayaan Orang Kurang Upaya (OKU)

Skim ini disediakan khas kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mendapatkan modal perniagaan dengan mudah. Skim ini menawarkan jumlah pembiayaan sehingga RM100,000 tanpa melalui semakan kredit dengan Agensi Pelaporan Kredit.

TEKUN juga menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Persatuan OKU dan NGO bagi membolehkan lebih ramai golongan OKU mendapat manfaat Pembiayaan daripada TEKUN.

Sehingga 31 Disember 2020, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 123 usahawan OKU dengan pembiayaan bernilai RM1.6 juta.



## Skim Pembiayaan Peluang Kedua

Skim Pembiayaan Peluang Kedua ini dikhaskan kepada pemohon dari golongan bekas penghuni penjara dan pelatih Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN). Skim ini diwujudkan bagi memberi rangsangan dan peluang kepada mereka menjana pendapatan dengan menjalankan perniagaan mereka setelah keluar dari penjara dan PUSPEN.

Sehingga 31 Disember 2020, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 5 usahawan melalui skim ini dengan pembiayaan bernilai RM65,000.



## PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN

Pembangunan usahawan merupakan elemen yang penting dalam memastikan kelestarian dan kejayaan perniagaan usahawan. Pelbagai aktiviti pembangunan keusahawanan dirangka bagi memperkasakan usahawan TEKUN Nasional. Program pembangunan kapasiti, pembangunan perniagaan dan produk serta digitalisasi perniagaan merupakan pemangkin kepada potensi dan daya saing perniagaan di pasaran tempatan dan global.

Fokus utama Program Pembangunan Usahawan:



- 1** Menyelaras aktiviti dan penglibatan usahawan TEKUN dalam program keusahawanan yang dilaksanakan di setiap negeri.
- 2** Memantau perkembangan perniagaan usahawan secara berkala bagi mengenalpasti usahawan TEKUN yang berjaya dalam perniagaan sebagai satu pengiktirafan dan penghargaan.
- 3** Mengenalpasti usahawan TEKUN yang berpotensi untuk program pengembangan dan peningkatan perniagaan dengan kerjasama agensi pembangunan keusahawanan yang lain.

TEKUN juga telah melaksanakan beberapa program khas pembangunan usahawan seperti berikut:

### Program TEKUN Mobilepreneur

Program khas yang diwujudkan bagi membantu individu yang kehilangan sumber pendapatan/ pekerjaan akibat terkesan dengan pandemik wabak Covid-19 yang melanda negara.

Program ini menyediakan kemudahan pembiayaan kepada rider yang berdaftar dengan syarikat e-hailing untuk menjalankan perkhidmatan penghantaran barang, makanan atau keperluan rumah menggunakan motosikal.

Pembiayaan yang disediakan adalah sehingga RM10,000 untuk tujuan baik pulih dan pembelian motosikal. Sehingga 31 Disember 2020, seramai 2,542 orang usahawan telah mendapat pembiayaan TEKUN Mobilepreneur dengan nilai pembiayaan sebanyak RM20.97 juta.

### Program KPT-MEDAC Siswapreneur

Program ini telah dilancarkan pada 26 November 2020 dan merupakan program kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan MEDAC dalam usaha membantu pelajar-pelajar yang sedang menuntut di IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti untuk menjalankan perniagaan.

TEKUN Nasional berperanan sebagai agensi pelaksana melalui pembiayaan yang disediakan sehingga RM5,000 sebagai modal untuk menjalankan perniagaan.

Sehingga 31 Disember 2020, seramai 5 pelajar telah mendapat pembiayaan di bawah program ini dengan nilai RM16,000.



## PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Bagi mendepani cabaran pandemik Covid-19, usahawan perlu melakukan transformasi digitalisasi dalam perniagaan bagi memastikan perniagaan terus kekal dan mampu bersaing di pasaran tempatan dan peringkat global.

Pelaksanaan di bawah pembangunan perniagaan ini akan memberi tumpuan kepada aspek berikut :



TEKUN juga telah melaksanakan Program Usahawan Bimbingan dengan kerjasama MEDAC dan INSKEN iaitu:

### Program Agriculture Coaching And Industry Development (ACID)

Program ini merupakan program khas di bawah MEDAC dan INSKEN untuk melahirkan usahawan belia dalam bidang pertanian fertigasi. Usahawan akan dibimbing oleh syarikat anchor yang dilantik dan hasil tanaman akan dijual menggunakan konsep contract farming.

Sehingga 31 Disember 2020, seramai 47 orang usahawan telah diberikan pembiayaan di bawah program ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.41 juta.





### LATIHAN KEUSAHAWANAN

Program Latihan Keusahawanan ini disediakan kepada semua usahawan TEKUN yang telah mendapat pembiayaan TEKUN Nasional. Usahawan akan dilatih dan dibimbing berhubung ilmu dan kemahiran dalam bidang keusahawanan agar perniagaan dapat bersaing dan menjana keuntungan yang tinggi.

TEKUN Nasional telah membuat penambahbaikan terhadap modul Latihan Asas Keusahawanan selaras dengan perubahan perniagaan yang menggunakan konsep digital seperti berikut:



#### Latihan Asas Keusahawanan

- Konsep Digitalisasi Perniagaan
- Asas Pemasaran Digital
- Asas Pengurusan Kewangan Digital

#### Program Latihan Keusahawanan – Peningkatan Kemahiran


- Pengurusan Perniagaan
- Pengurusan Kewangan
- Pemasaran

TEKUN turut menyediakan pendidikan ilmu keusahawanan seperti pengurusan perniagaan, pemasaran, kewangan, pensijilan, pembangunan produk dan slot motivasi secara digital kepada usahawan melalui platform “TEKUN EDUPRENEUR”.

Sehingga 31 Disember 2020, TEKUN telah mengadakan Kursus / Seminar Asas Keusahawanan kepada 221,039 usahawan baru yang melibatkan 811 siri kursus. Manakala bagi tahun 2020, TEKUN telah melaksanakan 21 siri Kursus / Seminar Asas Keusahawanan TEKUN Nasional kepada 7,399 usahawan.


**BILANGAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN  
(SAK) TEKUN NASIONAL TAHUN 2010 – 2020**

TAHUN	BIL. SIRI SAK	BIL. USAHAWAN
2010	12	392
2011	77	2,511
2012	197	9,521
2013	92	7,429
2014	71	6,044
2015	125	19,019
2016	60	74,466
2017	58	50,161
2018	44	21,817
2019	54	22,280
2020	21	7,399
JUMLAH	811	221,039



### BILANGAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN (SAK) TEKUN NASIONAL BAGI TAHUN 2020

TAHUN	BIL. SIRI SAK	BIL. USAHAWAN
JANUARI	6	2,600
FEBRUARI	6	2,185
MAC	4	1,249
APRIL	0	0
MEI	0	0
JUN	0	0
JULAI	0	0
OGOS	0	0
SEPTEMBER	3	809
OKTOBER	2	556
NOVEMBER	0	0
DISEMBER	0	0
JUMLAH	21	7,399



## HUB PEMBORONGAN USAHAWAN PLATINUM MALL

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui TEKUN Nasional telah mengambil langkah proaktif dalam menangani isu pemasaran produk usahawan dengan mewujudkan Hub Pemborongan Usahawan iaitu Platinum Mall di Kota Bharu, Kelantan.

Hub pemborongan ini akan memberikan kemudahan dan platform perniagaan kepada para usahawan serta menggalakkan ekonomi setempat serta memberi manfaat kepada usahawan di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak Utara.

Pewujudan hab pemborongan usahawan Bumiputera TEKUN Nasional di Platinum Mall Kota Bharu dapat menyokong pembangunan usahawan dalam meluaskan pasaran dan meningkatkan skala perniagaan.

Platinum Mall setinggi 6 tingkat ini dengan keluasan 412,686 kps dapat menyediakan 1,700 lot kedai kepada usahawan. Ia juga menjadi pusat jualan dan pasaran produk-produk usahawan TEKUN dan usahawan Bumiputera yang lain antaranya pakaian, barang kesihatan, kelengkapan bayi dan kanak-kanak, kelengkapan rumah, aksesori wanita, gajet serta aksesori telefon bimbit, beg, kasut dan lain-lain.

Bagi membantu usahawan yang berminat untuk menjalankan perniagaan di Platinum Mall, TEKUN Nasional mengambil inisiatif dalam menyediakan bantuan pembiayaan melalui pakej-pakej pembiayaan yang ditawarkan dengan nilai maksimum sehingga RM100 ribu kepada usahawan yang layak. Selain itu, TEKUN Nasional turut menawarkan pembekalan produk dan barang melalui TEKUN Corporation.



### KEMUDAHAN & FASILITI



Lebih daripada 1,700 kedai borong dan runcit usahawan setinggi 6 tingkat dengan keluasan 827,000 kps.



Berkonsepkan digital mall (pemantauan jualan serta stok barang secara berpusat dan sistematik).



Dalam perancangan untuk dilaksanakan secara virtual mall pada masa akan datang.



Pusat jualan dan pasaran pelbagai produk usahawan




Penempatan pejabat agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan dan yang berurusan dengan masyarakat setempat.

### JENIS PERNIAGAAN MENGIKUT TINGKAT

Pakaian Wanita  
Kelengkapan Rumah  
Kesihatan & Kecantikan  
Kelengkapan Perkahwinan  
Salun/ Spa

**4F**




**5F**

Foodcourt  
IT & Gajet  
Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi

Pakaian Wanita  
Permainan  
Pakaian & Kelengkapan Bayi dan Kanak-kanak

**2F**



**3F**

Pakaian Wanita  
Pakaian Lelaki  
Kelengkapan Sukan  
Aksesori Kereta/ Motosikal

Pakaian Wanita  
Agenzia Kerajaan  
Bank  
Kedai Emas  
Produk IKS  
Hasil Kraft/ Batik  
Perkhidmatan Kurier  
Restoran  
Kiosk Produk  
Kesihatan  
Barangan Aksesori

**GF**



**1F**

Pakaian Wanita  
Kosmetik & Wangian  
Pakaian Lelaki



## KAEDAH BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

Bayaran balik pembiayaan merupakan elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan pembiayaan kepada para usahawan. Bagi kemudahan capaian kepada usahawan untuk membuat bayaran balik, pelbagai saluran pembayaran balik pembiayaan disediakan oleh TEKUN Nasional.

Berikut adalah kaedah bayaran balik pembiayaan yang disediakan:

1. Bayaran melalui aplikasi mudah alih TEKUNPay
  - 🌐 Usahawan perlu memuat turun aplikasi mudah alih TEKUNPay bagi membolehkan pembayaran balik pembiayaan dibuat secara atas talian melalui perbankan internet.
2. Bayaran di premis perniagaan
  - 🌐 Pegawai TEKUN membuat kutipan tunai atau cek di premis perniagaan usahawan.
3. Bayaran di Pejabat Cawangan
  - 🌐 Usahawan membuat pembayaran secara tunai atau cek yang disediakan di Pejabat Cawangan.
4. Bayaran melalui institusi perbankan
  - 🌐 Usahawan boleh membuat pembayaran di RHB dan BSN menerusi kaunter, online dan mesin deposit tunai (CDM). Manakala Maybank menerusi online dan mesin deposit tunai (CDM) sahaja. Bayaran juga boleh dibuat di semua agen BSN.
5. Bayaran melalui Pos Malaysia
  - 🌐 Usahawan membuat pembayaran di kaunter POS Malaysia atau melalui POS Online.

## APLIKASI TEKUN PAY

Seiring dengan teknologi masa kini, TEKUN juga telah membangunkan aplikasi telefon pintar sebagai inisiatif baru dan berdaya saing di pasaran global. TEKUNPay merupakan aplikasi mudah alih khusus untuk usahawan TEKUN membuat pembayaran balik pembiayaan dan semakan akaun pembiayaan. Aplikasi TEKUNPay boleh dimuat turun melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS). Usahawan TEKUN yang menggunakan aplikasi ini mempunyai akses untuk:

- i. Melihat paparan maklumat terperinci akaun pembiayaan.
- ii. Membuat semakan transaksi pembayaran sehingga 9 bulan terakhir.
- iii. Membuat pembayaran melalui perbankan internet (FPX).

Aplikasi TEKUNPay telah dilancarkan pada 1 November 2017 dan sehingga 2020 seramai 81,945 orang usahawan TEKUN telah mendaftar sebagai pengguna TEKUNPay melibatkan transaksi berjumlah RM61.9 juta.

Bagi 2020 sahaja pencapaian transaksi bayaran balik berjumlah RM27,517,135.75

# KAEDAH BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN

## 01 PERBANKAN INTERNET

- i. Aplikasi bayaran TEKUNPay
- ii. Bayaran Atas Talian



## 02 MESIN DEPOSIT TUNAI

- i. Maybank Banking Berhad (MBB)
- ii. RHB Bank Berhad (RHB Bank)
- iii. Bank Simpanan Nasional (BSN)



KAEDAH PEMBAYARAN

- i. Pejabat Cawangan
- ii. Premis Usahawan
- iii. Kaunter Bank Terpilih BSN & RHB
- iv. Kaunter Pejabat Pos
- v. Ejen BSN

## 04 TUNAI

- i. Pejabat Cawangan
- ii. Premis Usahawan

## CEK 03





## INISIATIF TEKUN DALAM MEMBANTU USAHAWAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Keprihatinan kerajaan dalam membantu usahawan mikro yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19 telah meringankan beban usahawan mikro dalam mengharungi tempoh yang sukar. Melalui bantuan Pakej PRIHATIN (RM200 juta) dan Pelan PENJANA (RM100 juta) yang disalurkan oleh kerajaan kepada TEKUN Nasional, beberapa inisiatif baru telah diperkenalkan dan ditawarkan kepada golongan usahawan yang terjejas.

Di antaranya ialah:

**01**

Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM)

**02**

Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRs)

**03**

Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur

**04**

Penjadualan Semula Pembiayaan

**05**

Penangguhan Bayaran Balik

**06**

Pengeluaran Simpanan

**01**

### SKIM PEMBIAYAAN PEMULIHAN PERNIAGAAN MIKRO (CBRM)

Menerusi Pakej PRIHATIN dengan dana yang diperolehi sebanyak RM200 juta, TEKUN Nasional telah melancarkan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) pada 8 April 2020. Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro TEKUN Nasional (CBRM) ialah skim pembiayaan mikro yang menyediakan pembiayaan suntikan modal pusingan kepada usahawan TEKUN sedia ada dan usahawan mikro yang terjejas kesan daripada wabak COVID-19 dan terbuka kepada semua sektor perniagaan.

Nilai Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro TEKUN Nasional yang ditawarkan adalah di antara RM1,000 hingga RM 10,000 dengan tempoh maksima pembiayaan sehingga 3 tahun (36 bulan). Tempoh penangguhan adalah 6 bulan dan tiada kadar keuntungan dikenakan.

#### Usahawan mikro yang layak memohon:

- 1 Usahawan mikro yang perniagaan mereka terjejas akibat wabak COVID-19.
- 2 Warganegara Malaysia (Bumiputera / India)
- 3 Berumur 18-60 tahun (tempoh pembiayaan tamat sehingga 65 tahun).
- 4 Perniagaan dijalankan secara sepenuh atau separuh masa.
- 5 Lesen / Permit PBT ( Lesen Penjaja ) / Daftar Perniagaan yang sah ( SSM ) atau dokumen lain yang mengesahkan pemohon menjalankan perniagaan.
- 6 Tidak disenarai hitam dengan institusi kewangan lain.
- 7 Bebas daripada tindakan kebankrapan

#### Pembiayaan CBRM disalurkan kepada usahawan secara 2 peringkat:

**1**

Sebahagian daripada nilai kelulusan 20% disalurkan semasa tempoh PKP dan baki 80% disalurkan selepas tempoh PKP.

**2**

100% nilai kelulusan disalurkan selepas tempoh PKP

Di bawah Skim CBRM seramai 26,322 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM200 juta

## 02

### SKIM PEMULIHAN PERNIAGAAN TEKUN (TBRs)

Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRs) ialah Skim Perniagaan Mikro yang ditawarkan kepada perusahaan mikro yang perniagaan mereka terjejas akibat wabak COVID-19. Skim yang dilancarkan pada 13 Julai 2020 ini terbuka kepada semua sektor perniagaan serta usahawan yang mempunyai rekod bayaran balik yang baik dengan TEKUN Nasional (untuk usahawan sedia ada).

Tempoh bayaran balik pemberian di antara 1 hingga 3 tahun dengan jumlah pemberian yang ditawarkan bernilai RM1,000 hingga RM 10,000. Kadar keuntungan adalah sebanyak 3.5% setahun.

#### Usahawan TEKUN sedia ada layak memohon skim TBRs sekiranya:

- 1 Usahawan sedia ada mempunyai rekod bayaran balik yang baik dan tidak tertunggak melebihi 6 bulan.
- 2 Usahawan dalam kategori Penjadualan Semula (PS) perlu mempunyai rekod bayaran balik yang baik dan tidak tertunggak.
- 3 Had kelulusan pemberian yang dibenarkan tidak melebihi RM100,000.

Peruntukan RM100 juta yang disalurkan ke TEKUN Nasional di bawah Pakej PENJANA ini juga bertujuan untuk mengurangkan impak wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas usahawan mikro khususnya. Seramai 14,929 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada skim ini dengan nilai pemberian berjumlah RM99.67 juta.

## 03

### SKIM PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR

Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan melalui TEKUN Nasional untuk memberi peluang menjana pendapatan kepada golongan yang hilang punca pendapatan serta terjejas akibat penularan Covid-19.

Di bawah skim ini, usahawan berpeluang untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal dengan tempoh bayaran balik pemberian

1 hingga 3 tahun.

Skim ini dilaksanakan melalui dua peringkat. Pelaksanaan peringkat pertama di bawah peruntukan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) dan tiada kadar keuntungan dikenakan. Manakala peringkat kedua dilaksanakan di bawah peruntukan Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRs) dengan kadar keuntungan sebanyak 3.5%.

#### Pemberian TEKUN Mobilepreneur disediakan kepada peserta untuk tujuan berikut:

BIL	TUJUAN PERMOHONAN	HAD PEMBIAYAAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian Motosikal.</li> <li>• Pendaftaran bersama syarikat e-hailing.</li> <li>• Modal Pusingan</li> </ul>	Sehingga RM 10,000
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baik pulih motosikal.</li> <li>• Pendaftaran bersama syarikat e-hailing.</li> <li>• Modal pusingan</li> </ul>	Sehingga RM 2,000

**04**

### **PENANGGUHAN BAYARAN BALIK (MORATORIUM)**

Susulan daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara, TEKUN telah memberikan penangguhan bayaran balik secara automatik selama 6 bulan bermula Mac hingga Ogos 2020 kepada semua peminjam yang bertunggakan tidak melebihi 6 bulan pada Februari 2020. Seramai 117,032 peminjam telah menerima manfaat daripada inisiatif ini dengan nilai ansuran bulanan keseluruhan berjumlah RM135.3 juta.

Bagi terus menyokong usahawan mikro dan kecil yang masih terjejas dengan pandemik ini, TEKUN seterusnya telah melaksanakan penangguhan bayaran balik secara bersasar untuk September hingga November 2020 dan Disember 2020 hingga Februari 2021. Secara keseluruhannya, inisiatif penangguhan bayaran balik secara bersasar ini telah dimanfaatkan oleh seramai 22,390 peminjam dengan nilai ansuran bulanan keseluruhan berjumlah RM 22.08 juta.

**05**

### **PENJADUALAN SEMULA PEMBIAYAAN**

Penjadualan semula Pembiayaan boleh dimohon oleh semua peminjam yang bertunggakan. Penjadualan semula akan mengurangkan nilai ansuran bulanan dan tempoh pembiayaan akan dipanjangkan bagi membantu meringankan bebanan kewangan usahawan.

Inisiatif ini telah dimanfaatkan oleh seramai 5,918 usahawan dengan nilai baki pembiayaan berjumlah RM55.21 juta.

**06**

### **PENGELUARAN SIMPANAN TEKUN**

Pengeluaran simpanan boleh dilakukan oleh Usahawan yang telah mempunyai simpanan daripada pembiayaan yang terdahulu. Pengeluaran simpanan ini adalah dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) sahaja. Simpanan yang boleh dikeluarkan adalah simpanan bagi akaun pembiayaan yang telah selesai bayar.

Seramai 2,981 usahawan telah menerima manfaat daripada pelaksanaan inisiatif ini dengan jumlah pengeluaran simpanan sebanyak RM7.98 juta





TEKUN Nasional turut disokong oleh 2 subsidiari yang bertanggungjawab membantu serta menyokong dalam pemantapan perkhidmatan TEKUN. Entiti tersebut ialah TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN Corp) dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB).

## 1 TEKUN CORPORATION SDN BHD (TEKUN CORP)

TEKUN Corporation adalah anak syarikat TEKUN Nasional dan telah didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 27 Februari 2014. TEKUN Corporation telah ditubuhkan sebagai platform pengembangan dan pemasaran untuk melayani dan membantu usahawan Malaysia khususnya dalam industri kecil dan sederhana.

Perkhidmatan TEKUN Corporation merangkumi semua usahawan tempatan terutamanya mereka yang berada di bawah pemantauan, bimbingan dan berdaftar di bawah TEKUN Nasional.

TEKUN Corporation juga menyediakan perkhidmatan penjenamaan semula untuk melahirkan usahawan baru, perkhidmatan pengurusan hutang, pusat pengumpulan untuk semua produk dan ke dalam perkongsian strategik antara prospek yang berpotensi.



## Halatuju TEKUN Corp pada tahun 2020:



### 01 TERAS PERTAMA - PERDAGANGAN & PERUNCITAN

Melalui Penubuhan TEKUN Mart yang menjadi peneraju pasaran Malaysia dalam sektor peruncitan dan memenuhi keperluan pelanggan dengan menyediakan pelbagai pilihan produk samada produk usahawan TEKUN, SME Bumiputera, IKS dan Koperasi.

Pemasaran dan pengedaran produk usahawan berkonsepkan ‘Standee’ yang ditempatkan di kedai usahawan, kedai runcit serbaneka, restoran dan rangkaian kedai runcit lain. Pembelian barang melalui atas talian juga memudahkan pengguna untuk membeli barang serta meningkatkan capaian mudah produk runcit dan tempatan terus kepada pengguna.

TEKUN Mart juga Menjadi pembekal air mineral dan air juice E-Zeal berkonsepkan Original Equipment Manufacturer (OEM) daripada pengilang usahawan bumiputera tempatan.

Pelantikan Agen Jualan yang dibuat membantu meluaskan aktiviti jualan dengan lebih berkesan bagi produk keluaran syarikat dan produk usahawan terutamanya bagi produk baru bagi memenuhi permintaan pelanggan.



### 02 TERAS KEDUA - HUB PEMBORONGAN

Mewujudkan hub pemborongan yang terdiri dari pembekalan, pakej pemborongan, perkhidmatan lot kedai dan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang, ejen drop point dan sewa ruang gudang.



### 03 TERAS KETIGA - AGEN KUTIPAN HUTANG

Bagi meningkatkan produktiviti daripada aktiviti ini, TEKUN Corp melalui Pusat Panggilan Pelanggan (PPP) telah menetapkan sasaran tambahan empat (4) syarikat pada tahun 2020 iaitu KPTM, PTPTN, Angkasa & Kolej Bersepadu Nasional (KBN) yang melantik TCorp sebagai Perunding Khidmat Kredit. Hasil rundingan yang telah dijalankan berjaya mengumpul kutipan sebanyak RM7,979,453.00.



### 04 TERAS KEEMPAT- PERKHIDMATAN

Sebagai platform pengembangan dan pemasaran untuk melayani dan membantu usahawan Malaysia khususnya dalam industri kecil dan sederhana, TEKUN Corporation juga menawarkan perkhidmatan e-Dokumen (Lesen Perniagaan).

### 2

### KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (KRTB)

Koperasi adalah sebuah organisasi berautonomi yang anggotanya adalah secara sukarela, berusaha untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya anggotanya melalui perniagaan yang dipunyai bersama dan dikawal secara demokratik. Sehingga kini, KRTB dianggotai seramai 402 orang.

#### Objektif Penubuhan KRTB

01

Menyediakan dana tambahan untuk keperluan usahawan.

02

Meningkatkan taraf sosial ekonomi dan kebajikan para anggota mengikut prinsip koperasi.

03

Menggalakkan kerjasama dan jaringan di kalangan usahawan TEKUN di samping menjalankan aktiviti perniagaan yang menguntungkan.

04

Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelbagai bentuk pembiayaan, takaful/ insurans dan tabung khairat kematian anggota.

05

Menyediakan kemudahan menabung serta menggalakkan sikap berjimat cermat di kalangan staf dan keluarga.

#### Aktiviti-Aktiviti KRTB Sepanjang Tahun 2020 Adalah Seperti Berikut:

01  
Menyediakan pembiayaan peribadi kepada anggota

02  
Menjalankan aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu

03  
Menjadi ejen kutipan bayaran balik pembiayaan TEKUN

04  
Menjalankan TEKUN Mart perniagaan peruncitan

05  
Menyediakan perkhidmatan jualan atas talian kepada usahawan bumiputera (LESGRO)

06  
Menjalankan perniagaan dan menjadi pengedar tunggal bagi produk susu pekat manis jenama POTONGULER

07  
Menyediakan perkhidmatan takaful dan pembaharuan cukai jalan

08  
Menyediakan pakej Khairat Kematian & Pengurusan Jenazah Lengkap

09  
Menyediakan perkhidmatan katering

10  
Membekal produk premium

11  
Pemilikan dan penyewaan bangunan

## AR RAHNU TEKUN

TEKUN Nasional melalui Ar Rahnu TEKUN telah melaksanakan perniagaan pajak gadai patuh syariah mengikut konsep Qard, Rahn, Wadiyah dan Ujrah yang membolehkan barang yang berasaskan emas dijadikan cagaran untuk pembiayaan tunai. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh Ar Rahnu TEKUN di mana ia memberi pilihan kepada usahawan untuk mendapatkan pembiayaan dengan lebih mudah, cepat dan fleksibel.

Sehingga Disember 2020, sebanyak 9 cawangan Ar Rahnu TEKUN yang beroperasi di seluruh negara seperti berikut:

- i. Shah Alam
- ii. Wangsa Maju
- iii. Semenyih
- iv. Sentul
- v. Alor Setar
- vi. Tawau
- vii. Kota Bharu
- viii. Johor Bahru
- ix. Tanah Merah

Pada masa ini, Ar Rahnu TEKUN turut menawarkan perkhidmatan seperti berikut :

- i-Simpan
- i-Cuci
- Jual beli wafer emas

Sehingga Disember 2020, Ar Rahnu TEKUN telah menerima sebanyak 47,556 permohonan untuk membuat gadaian dengan nilai marhun RM180.37 juta dan pembiayaan sebanyak RM136.06 juta.

Bagi tahun 2020, sebanyak 1,864 transaksi telah dilakukan dengan nilai marhun berjumlah RM7,280,351.14 dan nilai pembiayaan sebanyak RM5,513,883.80







Jawatankuasa Audit, Integriti & Risiko (JKAIR) TEKUN Nasional adalah salah satu daripada jawatankuasa di bawah Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional.

Peranan JKAIR adalah:

- i. Menilai keberkesanannya tadbir urus/kawalan dalaman TEKUN Nasional dan melaporkan kepada Lembaga Amanah.
- ii. Mengkaji dan menasihat Lembaga Amanah berhubung dengan penyata kewangan dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan.
- iii. Mengkaji laporan daripada Jabatan Audit Dalam (JAD) atau Audit Luar untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan baik dan memperakukan tindakan susulan.
- iv. Memastikan tindakan pencegahan dan penambahbaikan diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat dibetulkan dan tidak berulang.
- v. Memantau integriti TEKUN Nasional.

### RINGKASAN AKTIVITI

#### Jabatan Audit Dalam

Sebanyak 94 aktiviti / laporan audit telah dilaksanakan pada tahun 2020 meliputi iaitu Pengauditan Cawangan, Pengauditan Siasatan, Pengauditan Teknologi Maklumat, Pengauditan Tadbir Urus dan Jawatankuasa.

#### Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR)

- i. TEKUN telah melaksanakan beberapa aktiviti pengukuhan integriti seperti taklimat / ceramah integriti, artikel integriti, peringatan integriti dan artikel himpunan kes tatatertib sepanjang tahun 2020.
- ii. JIPR juga telah mengeluarkan 23 laporan siasatan salah laku, 4 laporan semakan integriti dan tadbir urus dan 11 laporan penilaian risiko.
- iii. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) TEKUN Nasional 2020 – 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Amanah TEKUN Nasional pada 20 November 2020.

### AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI & RISIKO (MJKAIR)

<b>PENGERUSI:</b>	YBhg. Datuk Hj Zamri @ Fazillah bin Salleh
<b>TIMB. PENGERUSI:</b>	Encik Khalid bin Mohamed
<b>AHLI:</b>	Puan Ummi Syahidah binti Ahmad Bustamam Encik Mohd Azrin bin Abdull Rahim Encik Hafizal bin Ahmad
<b>SETIAUSAHA:</b>	Encik Md Rukemi bin Ishak Tuan Haji Mohamad Razman bin Razak



Jawatankuasa Pembangunan dan Inovasi diwujudkan bagi keperluan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan, pembangunan dan sumber manusia di TEKUN Nasional. Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada kalangan Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional.

Antara peranan & tanggungjawab jawatankuasa ini adalah :

- i. Memantau, memberi nasihat dan membuat keputusan kepada cadangan yang dibentangkan bagi perkara berikut :
  - Keberkesanan Pengurusan dan Pentadbiran TEKUN Nasional
  - Pengurusan Sumber Manusia dan Pembangunan Modal Insan
  - Kecekapan dan keberkesanan pengurusan dana pembiayaan TEKUN Nasional
  - Pelaksanaan program-program Pembangunan Usahawan TEKUN Nasional
  - Pelaksanaan program-program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi
  - Merancang dan merangka strategi bagi menggalakkan penjanaan idea baru melalui daya kreativiti dan inovasi
  - Mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti TEKUN Nasional dan pencapaian pengiktirafan ISO di peringkat TEKUN Nasional
- ii. Platform untuk membincangkan perancangan projek/program/aktiviti TEKUN Nasional.

Pada tahun 2020, Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak tiga (3) kali.

### AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN & INOVASI :

<b>PENGERUSI:</b>	Encik Khalid bin Mohamad
<b>TIMB. PENGERUSI:</b>	Puan Najwah Halimah binti Abdul Alim
<b>AHLI:</b>	YBhg. Dato' Adam bin Abd. Ghani Encik Zuhaimy bin Md Isa Encik Omar bin Othman Encik Aishamuddin bin Zulkefli Encik Rosshaimi bin Harun Encik Yasir bin Salam
<b>SETIAUSAHA BERSAMA:</b>	Puan Suhaily Raini binti Md Hamdan Puan Nurulhuda binti Kamarudin



TEKUN telah memperkenalkan Takaful Kemalangan Diri TEKUN Care yang merupakan pelan perlindungan 24 jam kepada pemegang polisi di dalam dan luar negara dengan caruman yang berpatutan. TEKUN Care mempunyai 3 pelan perlindungan iaitu platinum, gold dan silver. Perlindungan yang ditawarkan ialah yang melibatkan kematian, rawatan perubatan dan kehilangan upaya kekal akibat kemalangan.

Pemegang polisi akan mendapat manfaat seperti elaun hospital mengikut hari, perbelanjaan perubatan, bayaran rawatan gigi, kerusi roda dan prostesis anggota badan termasuk kes ragut. Sehingga tahun 2020, terdapat seramai 47,387 pemegang polisi TEKUN Care dengan nilai perlindungan berjumlah RM599.49 juta.





Menyedari kepentingan perancangan harta pusaka, TEKUN bekerjasama dengan MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) dan telah mewujudkan produk khidmat wasiat yang sah menurut undang-undang dan hukum syariah. Pewarisan harta terancang akan memudahkan waris bagi memastikan kebajikan mereka dapat dipelihara sekaligus mengurangkan bebanan yang akan ditanggung oleh waris selepas berlaku kematian.

Pihak MAAB akan membantu waris dalam mempercepatkan proses wasiat, mengurangkan kos guaman di samping pengurusan wasiat akan dilaksanakan mengikut prosedur undang-undang syariah. MAAB akan memastikan wasiat dijamin rahsia, selamat daripada kerosakan dan mudah untuk diakses oleh waris.

Sehingga tahun 2020, seramai 1,980 orang telah melanggan khidmat wasiat ini dengan bayaran perkhidmatan berjumlah RM396 ribu.





## PENILAIAN OUTCOME BAGI PROGRAM TEMAN TEKUN PADA TAHUN 2019

## LATARBELAKANG KAJIAN

**SKOP KAJIAN:**

Mengkaji impak / outcome pembiayaan TEKUN Nasional kepada usahawan Bumiputera di bawah program TEMAN TEKUN yang menerima pembiayaan pada tahun 2019.


**JUSTIFIKASI KAJIAN:**

- Majoriti usahawan Bumiputera adalah di bawah produk TEMAN TEKUN.
  - TEKUN telah menerima peruntukan dana Bumiputera pada tahun 2019 sebanyak RM100 juta.
  - Dengan menggunakan dana daripada kerajaan dan dana dalaman, sebanyak RM138.79 juta telah disalurkan kepada 16,275 (78.72%) usahawan TEMAN (jumlah keseluruhan usahawan Bumiputera 2019 adalah 20,675 orang).
- Mengenalpasti impak pembiayaan kepada usahawan selepas setahun menerima pembiayaan TEKUN.

## TEMPOH KAJIAN DILAKSANAKAN: September – November 2020

## POPULASI KAJIAN

Melibatkan semua usahawan TEMAN TEKUN di seluruh Malaysia



BIL	PRODUK	2019		
		BIL. USAHAWAN	BIL. PINJAMAN	NILAI (RM)
1	TEMAN	10,158	11,857	91.88 juta
2	TemanNITA	3,910	4,601	31.08 juta
3	TEMAN 2.0	2,207	2,618	15.83 juta
<b>JUMLAH</b>		<b>16,275</b>	<b>19,076</b>	<b>138.79 juta</b>

## PENCAPAIAN VS SASARAN

- 1 Menilai pencapaian TEKUN terhadap pembiayaan Bumiputera menerusi produk TEMAN TEKUN

## ISU &amp; MASALAH

- 2 Mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera khususnya di bawah produk TEMAN

## IMPAK &amp; KEBERKESANAN

- Menilai impak dan keberkesanan pembiayaan Bumiputera di bawah program TEMAN

## OBJEKTIF KAJIAN

## PELAN PENAMBAHBAIKAN

- Mengenalpasti langkah terbaik untuk membantu usahawan Bumiputera

3

4

## FOKUS KAJIAN

01

Peningkatan jualan sekurang-kurangnya 20% selepas menerima pembiayaan TEKUN

02

Peningkatan untung bersih

03

Peningkatan bilangan pekerja selepas menerima pembiayaan TEKUN

Penilaian dibuat ke atas 19,076 pinjaman TEMAN pada tahun 2019.

## METODOLOGI KAJIAN

01

### DATA SEKUNDER

#### ■ PENGUMPULAN DATA SEKUNDER

- i. Mengenalpasti senarai penerima pembiayaan TEMAN pada tahun 2019 (Data FAS/FMS TEKUN).
- ii. Mendapatkan maklumat demografi pembiayaan berdasarkan sistem TEKUN Nasional.
- iii. Mendapatkan maklumat jualan, untung bersih dan bilangan pekerja.

02

### DATA PRIMER

#### ■ PENGUMPULAN DATA PRIMER

- i. Mengedarkan soalan kajiselidik secara SMS blasting kepada semua usahawan TEMAN 2019.
- ii. Turun lapangan.

03

### ANALISA

#### ■ ANALISA DATA

- i. Menjalankan analisa data sekunder dan primer bagi mengenalpasti impak dan outcome pembiayaan.

04


### PELAPORAN

#### ■ PENILAIAN & PELAPORAN


- i. Menyediakan pelaporan lengkap terhadap kajian serta rumusan penilaian.
- ii. Membuat pembentangan dan mendapatkan kelulusan JKPO TEKUN 2020 dan MANCO TEKUN.
- iii. Pembentangan laporan kepada MEDAC dan ICU JPM.
- iv. Membuat serahan laporan (SPPII) kepada ICU JPM.

## RESPONDEN KAJIAN

Seramai 1,923 responden telah memberikan maklum balas menerusi kaedah google link, kajian lapangan di premis usahawan dan lawatan PSAT. Daripada jumlah tersebut, 73.35% (1,449) adalah usahawan wanita dan selebihnya adalah usahawan lelaki (474).




**1,923 RESPONDEN**


**OUTCOME 1:  
Peningkatan Jualan  
Bulanan**

**72.95%**

daripada keseluruhan responden berjaya meningkatkan jualan sekurang-kurangnya 20%.



Peningkatan jualan bulanan selepas menerima pembiayaan

## OUTCOME 2: Peningkatan Untung Bersih

1,384

UNTUNG BERSIH MENINGKAT

44

UNTUNG BERSIH BERKURANG

495

TIADA PERUBAHAN

71.97%

UNTUNG BERSIH SEBELUM vs SELEPAS PEMBIAYAAN TEKUN	SEBELUM	SELEPAS
Rugi	61	42
< RM1,000	848	520
RM1,001 - RM3,000	753	901
RM3,001 - RM5,000	195	316
RM5,001 - RM7,000	39	98
RM7,001 - RM9,000	13	20
RM9,001 - RM10,000	9	13
lebih RM10,000	5	13
JUMLAH	1,923	1,923


(1,384) responden mendapat peningkatan untung bersih selepas menerima pembiayaan TEKUN.

## OUTCOME 3: Bilangan Pekerja Selepas Menerima Pembiayaan

Peningkatan sebanyak 14.54% usahawan yang mempunyai 1-5 pekerja selepas menerima pembiayaan

35.57% usahawan masih kekal tidak mempunyai pekerja selepas menerima pembiayaan.

Penyusutan sebanyak: **19.53%**



NOTA: Usahawan TEMAN TEKUN kebanyakannya melaksanakan perniagaan kecil dari rumah

## IMPAK KAJIAN | PENCAPAIAN

**72.69%**

usahawan berjaya meningkatkan jualan sekurang kurangnya 20%.

**71.97%**

usahawan mendapat peningkatan untung bersih selepas menerima pembiayaan TEKUN.

**35.57%**

usahawan masih kekal tidak mempunyai pekerja selepas menerima pembiayaan

Penyusutan sebanyak **19.53%** jika dibandingkan dengan sebelum pembiayaan diluluskan.

**89.50%** usahawan masih berada dalam kelompok B40 selepas menerima pembiayaan TEKUN.

Penyusutan sebanyak **5%** bagi kategori B1 berbanding sebelum pembiayaan diluluskan.

Pertambahan sebanyak **64%** dalam kategori B3 berbanding sebelum pembiayaan diluluskan.

## RUMUSAN

Pada tahun 2019 TEKUN telah menyalurkan pembiayaan Bumiputera kepada 93.09% (17,757) usahawan *Bottom 40*. Menerusi program TEMAN TEKUN, impak pembiayaan kepada Bumiputera dapat dilihat apabila berlakunya peningkatan jualan bulanan (72.69% usahawan mendapat peningkatan jualan sekurang-kurangnya 20%) dan peningkatan untung bersih (71.97%) selepas setahun menerima pembiayaan. Pencapaian ini adalah berdasarkan elemen *wow factor* (*peer pressure* dan *networking*) yang diterapkan dalam produk TEMAN TEKUN.

Walaubagaimanapun hanya 14.54% sahaja peningkatan usahawan yang mempunyai 1-5 pekerja selepas menerima pembiayaan. Bagi outcome ini sasaran 15% tidak dicapai. Didapati 35.57% responden masih kekal tiada pekerja selepas menerima pembiayaan dan berlaku penyusutan sebanyak 19.53% jika dibandingkan dengan bilangan usahawan sebelum menerima pembiayaan. Perniagaan berskala kecil home based dan berstatus milikan tunggal menjadi faktor mengapa usahawan tidak mempunyai pekerja.

Disamping itu majoriti usahawan TEMAN TEKUN masih kekal dalam kategori B40. Namun berlaku peningkatan bagi kategori B3 (64%) dan M2 (41%) pada tahun 2020. Dalam situasi berisiko Pandemik Covid-19, usahawan mikro berhadapan dengan masalah untuk mengekalkan prestasi perniagaan serta kurang menguasai digitalisasi untuk mempromosikan produk / perniagaan.



# ANUGERAH



TAHUN	ANUGERAH
Mei 2013	Anugerah Financial Inclusion @ Ulan Bataar Mongolia, <i>Improved Loving Standard of Low-Income Household in Agro-Food Sector &amp; Agro-Based Industry</i>
Julai 2013	Anugerah Best Innovation In Financial Services Di Global Sustainable Finance Conference @ Karlsruhe Germany, <i>Success in Consolidated Economic Fund for Small Entrepreneurial Business Development</i>
April 2014	Anugerah Human Capital Development @ Moscow Russia, <i>The Young Graduate Entrepreneurship Development Program</i>
Mei 2016	Anugerah Local Economic Development Adfiap Awards 2016 @ Apia Samoa, May 2016 <i>Program Mentor Mentee</i>
Mei 2016	Anugerah Local Economic Development Adfiap Awards 2016 @ Apia Samoa, May 2016 <i>Program Mentor Mentee</i>
Mei 2016	Anugerah Emas – Program Terbaik Agensi MEDAC Tahun 2020 Kategori Pemulihan Perniagaan Mikro.
2017	Anugerah “SME Development – Successful Entrepreneur” di ADFIAP Awards 2017 @ Macao, China 2017 <i>Programme Zero to Hero - Successful Entrepreneurs</i>

# TEKUN NASIONAL



TAHUN	ANUGERAH
<b>2017</b>	Peringkat kementerian: i. Tempat Pertama Pertandingan Aplikasi Mudah Alih, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani 2017 ii. Tempat Pertama Pertandingan Portal, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani 2017, Kategori : Government Linked Companies (GLC)
<b>Februari 2019</b>	Anugerah Outstanding Development Project Award, @ Muscat, Oman, <i>Technology Development "TEKUNPay"</i>
<b>2020</b>	Best Innovation In Sustainable Financial Products And Services di Karlsruhe, German <i>Sustainable Development ( EOSD ) bagi 'Certificate of Merit or Plaque by City of Karlsruhe, German - Majlis Karlsruhe Sustainable Finance Awards 2020</i>
<b>2020</b>	Development Awards 2020 Trade Development, ADFIAP <i>Internalization Of Sucessful Reference On Microcredit</i>
<b>2020</b>	Anugerah Best Innovation In Sustainable Financial Products And Services di Karlsruhe, German Sustainable Development ( EOSD ) <i>Certificate of Merit or Plaque by City of Karlsruhe, German - Majlis Karlsruhe Sustainable Finance Awards 2020</i>







**18 JAN  
2020**

## PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN TEKUN NASIONAL

Program Hari Bertemu Pelanggan TEKUN Nasional yang diadakan di Tapak Pasar Tani MAEPS, Serdang, Selangor mendapat sambutan ramai pengunjung daripada pelbagai golongan.



**23 JAN  
2020**

## LAWATAN KE TAPAK KWM CRAFT MALAYSIA

YBhg Dato Adam Bin Abd Ghani, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional bersama beberapa wakil pengurusan TEKUN melawat bengkel kraftangan ukiran kayu usahawan TEKUN di Dengkil, Selangor





08 FEB  
2020

## PERASMIAN AR RAHNU TEKUN TANAH MERAH

YB Dato Sri Mohamad Suparadi,  
Pengerusi TEKUN Nasional  
menandatangi plak perasmian  
pembukaan Ar Rahnu Tanah Merah,  
Kelantan.



09 FEB  
2020

## PERASMIAN TEKUN MART

YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof,  
Menteri Pembangunan Usahawan  
Dan Koperasi (MEDAC) merasmikan  
TEKUN Mart di Terminal Bersepadu  
Selatan.





14 FEB  
2020

## KARNIVAL USAHAWAN TEKUN MASJID TANAH

YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi turut hadir memeriahkan suasana.



14 MAC  
2020

## PROGRAM JOM JEJAK USAHAWAN TANJUNG PIAI



Timbalan Pengurus TEKUN Nasional, YBrs. Pn Najwa Halimah turut sama berkongsi ilmu di program tersebut.



**29 MAC  
2020**

**PERASMIAN PROGRAM  
WALKABOUT YBM  
PEMBANGUNAN  
USAHAWAN  
(HIMPUN)**

YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri MEDAC melawat gerai usahawan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah.



**09 JUN  
2020**

**SESI TAKLIMAT  
KEPADА PENGЕRУSI  
TEKUN**



Pengurusan TEKUN Nasional memberi taklimat kepada YB Ustaz Shaharizukirnain Bin Abdul Kadir, Pengurus TEKUN Nasional.



**16 JUN  
2020**

## LAWATAN KSU MEDAC KE TEKUN NASIONAL

YBhg Dato Sri Haji Mohammad Bin Mentek, KSU MEDAC dalam sesi lawatan ke Ibu Pejabat TEKUN Nasional.



**17 JUN  
2020**

## LAWATAN YB TIMB. MENTERI MEDAC KE PREMIS USAHAWAN



YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati, Timbalan Menteri MEDAC melawat beberapa premis usahawan sekitar negeri Melaka.



07 JUL  
2020

## MAJLIS PELANCARAN TEKUN MOBILEPRENEUR

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri MEDAC di Majlis Pelancaran TEKUN Mobilepreneur di Menara Kembar Bank Rakyat.



10 JUL  
2020

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TEKUN NASIONAL

YBhg Dato Adam Bin Abd Ghani, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional bersama Pengurusan TEKUN Nasional serta penerima Anugerah Khidmat Cemerlang TEKUN Nasional.





16 JUL  
2020

## KUNJUNGAN HORMAT MENTERI KEWANGAN KE TEKUN NASIONAL

Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz,  
Menteri Kewangan dalam sesi  
kunjungan ke Ibu Pejabat TEKUN  
Nasional.



23 JUL  
2020

## MAJLIS PENYERAHAN SURAT LANTIKAN KEPADAH AHLI LEMBAGA AMANAH TEKUN NASIONAL



Dato Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, menyerahterakan surat lantikan kepada Ahli Lembaga baru TEKUN Nasional.

**01 OGOS  
2020**

## MAJLIS KORBAN SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA

Hj Roshaimi bin Harun, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional (Pengurusan & Korporat) turut sama membantu dalam majlis Korban Aidiladha.



**08 OGOS  
2020**

## LAWATAN KERJA YB MENTERI KE PULAU PINANG

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar dalam dalam sesi lawatan ke Kilang usahawan TEKUN di Pulau Pinang.



**11 OGOS  
2020**

## **SESI RAMAH MESRA BERSAMA PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN MEDAC**

YBhg Datin Sri Hajah Hairani Mohd Tajudin, Pengurus Puspanita Cawangan MEDAC bersama-sama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Puspanita Cawangan MEDAC pada sesi Ramah Mesra di TEKUN Nasional.



**29 OGOS  
2020**

## **MAJLIS PERLANCARAN TEKUN MOBILEPRENUER NEGERI SARAWAK**

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri MEDAC merasmikan TEKUN Mobilepreneur peringkat Negeri Sarawak





**30 OGOS  
2020**

### LAWATAN KERJA KSU MEDAC KE PREMIS USAHAWAN TEKUN NEGERI SARAWAK

YBhg Dato Sri Haji Mohammad Bin Mentek, KSU MEDAC beramah mesra bersama usahawan TEKUN di Negeri Sarawak.



**09 SEP  
2020**

### PROGRAM JALINAN KASIH MERDEKA TEKUN NASIONAL 2020



Warga kerja TEKUN Nasional turut sama memeriahkan Program Jalinan Kasih Merdeka TEKUN Nasional 2020.





29 SEP  
2020

## KUNJUNGAN HORMAT DARI TERENGGANU



YB Ustaz Shaharizukirnain, Pengurus TEKUN Nasional memberi taklimat kepada ahli kunjungan yang hadir.



06 OKT  
2020

## MAJLIS PENYAMPAIAN PEMBIAYAAN TEKUN KEPADА PEMANDU TEKSI KOPERASI PETEKA



Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri MEDAC merasmikan gimik pelancaran di majlis tersebut.

**25 NOV  
2020**

**PROGRAM CSR  
MUSAADAH COVID19  
MASJID ZAID  
BIN THABIT**

Encik Aishamuddin bin Zulkefli,  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Perancangan & Pembangunan)  
menyampaikan sumbangan kepada  
penerima bantuan.



**26 NOV  
2020**

**MAJLIS  
MENANDATANGANI  
MOU ANTARA  
KPT DAN MEDAC**



Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri MEDAC dan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi hadir di majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman KPT dan MEDAC.



**21 DIS  
2020**

## MAJLIS PELANCARAN SKIM PEMBIAYAAN INFORMAL (SPIN)

Penyampaian cek pembiayaan SPIN oleh YB Menteri MEDAC Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar.





## ALAMAT PEJABAT TEKUN NASIONAL

TEKUN Nasional mempunyai 178 Pejabat fizikal bagi Pejabat Negeri dan Cawangan termasuk 9 Pejabat Ar Rahnu. Berikut adalah alamat pejabat TEKUN di peringkat negeri:

### IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL

T5-01-01, Menara 5, Jalan Lingkaran Tengah, Lingkaran Maju (Maju Link),  
57000 Bandar Tasik Selatan,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Tel: 03-9059 8888  
Faks: 03-9059 9292

### PEJABAT NEGERI PERLIS

No. 1L Jalan Arau - Kodiang,  
Taman Utara (Fasa II) Guar Sanji,  
02600 Arau, Perlis.  
Tel : 04-9868186  
Faks : 04-9868188  
Pengurus Negeri :  
Pn. Haryanti Abd Hamid

### PEJABAT NEGERI PULAU PINANG

No. 11A-1, Pusat Perniagaan Wakaf Setee Aisah,  
Jalan Seetee Aisah, Taman Wakaf Seetee Aisah,  
13700 Perai, Pulau Pinang.  
Tel : 04-3838596  
Faks : 04-3838891  
Pengurus Negeri :  
Pn. Haliyatul Asma Jamaluddin

### PEJABAT NEGERI KEDAH

No 9 & 10, Pusat Perniagaan Shahab Perdana,  
Jalan Senangin 1,  
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,  
05150 Alor Setar, Kedah  
Tel : 04 -7308417 / 04-7327609  
Faks : 04-7347608  
Pengurus Negeri :  
En. Ibrahim Ariffin

### PEJABAT NEGERI PERAK

No. 24 & 26, Medan Istana 7,  
Bandar Ipoh Raya,  
30000 Ipoh, Perak.  
Tel : 05-2495710  
Faks : 05-2541901  
Pengurus Negeri :  
En. Mohd Anuar Salleh

### PEJABAT NEGERI SELANGOR

Tingkat 3, No. 28,  
Jalan Tengku. Ampuan Zabedah,  
9/D, Seksyen 9,  
40100 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-55127060 / 03-55127041  
Pengurus Negeri :  
En. Muhammad Zamani Razali

### PEJABAT NEGERI KELANTAN

No. 29 & 31, Seksyen 20, Wakaf Siku,  
Jalan Sultan Yahya Petra,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-7418523 / 09-7421623  
Faks: 09-7418524  
Pengurus Negeri :  
En. Che Othman Che Wil @ Ismail

### PEJABAT NEGERI SARAWAK

Sublot 72, Tingkat Bawah 1 & 2,  
Riveredge Commercial Centre,  
Jalan Datuk Patinggi Haji  
Abdul Rahman Yaakub, Petrajaya,  
93050 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-410972 / 082-482245  
Faks: 082-428264  
Pengurus Negeri : En. Khushiri Salleh

### PEJABAT NEGERI TERENGGANU

Lot PT 37821-1, Dataran Rimba,  
Jalan Tengku Mohamad,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu  
Tel : 09-6669750  
Faks: 09-6669770  
Pengurus Negeri :  
En. Mohd Ghazali Husain

**■ PEJABAT NEGERI SABAH**

D-3A-7, Block D, Parcel 7,  
Aeropod Commercial Square,  
Jalan Kepayan 88300,  
Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel : 088-311355  
Pengurus Negeri :  
En. Hemin Osumping

**■ PEJABAT NEGERI WP KUALA LUMPUR**

T2-03, Lingkaran Maju,  
Jalan Lingkaran Tengah 2,  
Bandar Tasik Selatan,  
57000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 90598990 / 03-90598996  
Faks: 03-90599292  
Pengurus Negeri :  
En. Rafaizil Bin Ahmad Tajudin

**■ PEJABAT NEGERI NEGERI SEMBILAN**

Wisma TEKUN, No. 1, Tkt 2,  
Jalan Durian Emas 2,  
Off Jalan Dato Siamang Gagap,  
70400 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel : 06-7615941 / 06-7615942  
Faks: 06-7615944  
Pengurus Negeri :  
Pn. Zuraidah Mat Jinal

**■ PEJABAT NEGERI PAHANG**

No. 17, Tingkat 1,  
Jalan Ahmad Shah,  
28000 Temerloh, Pahang.  
Tel : 09-2901744 / 09-2901472  
Faks: 09-2962085  
Pengurus Negeri :  
En. Hassan Anuar

**■ PEJABAT NEGERI MELAKA**

No. 12, Aras 2,  
Bangunan Kota Cemerlang,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-2346301 Faks: 06-2328757  
Pengurus Negeri :  
En. Anuar Abu Zarin

**■ PEJABAT NEGERI JOHOR**

No. 66B, Jalan Padi 1,  
Bandar Baru Uda,  
81200 Johor Bahru, Johor.  
Tel : 07-2351466 / 07-2351477 Faks: 07-2351596  
Pengurus Negeri :  
Mohd Shah bin Mohd Ariff

# EDITORIAL



**Dato' Adam  
Abd Ghani**



**Omar  
Othman**



**Hj. Rosaimi  
Harun**



**Misman  
Hussin**



**Suhaily Raini  
Md Hamdan**



**Hj. Md. Ahirun  
Ruba'ain**



**Nooraida  
Ismail**



**Hj. Mohamad Razman  
Razak**



**Ainun Rohayu  
Mohammad**



**Mohd Suhairul  
Mohd Sani**



**Mariani  
Ali Amran**



**Humairah  
Junaidi**



**Rozilawati  
Mohamad Diah**





    tekunasional

[www.tekun.gov.my](http://www.tekun.gov.my)